


FAKTOR PENYERAHAN SABAH KEPADA BRITISH

Pada 26 Jun 1946, Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menandatangani perjanjian dengan kerajaan British. Perjanjian tersebut menjadikan Sabah sebagai tanah jajahan British yang ditadbir oleh seorang Gabenor sebagai Ketua Kerajaan.

Memenuhi Kepentingan British



Perdana Menteri Britain ketika itu, Clement Attlee menyelesaikan pemberian kemerdekaan kepada Sri Lanka, India dan Burma. Oleh itu, Sabah merupakan negeri yang berpotensi untuk menggantikan tanah jajahan tersebut. Sabah mampu membekalkan sumber bahan mentah dan kawasan pasaran bagi barangan British.

Meneruskan Dasar British dalam Hubungan Luar

Semasa pemerintahan SBUB, Sabah merupakan negeri naungan British. British menguasai aspek perhubungan luar negeri dan pertahanan Sabah. Situasi tersebut mendorong SBUB untuk menyerahkan Sabah kepada British pada tahun 1946.



Mengatasi Masalah Kewangan SBUB

Tentera Jepun telah memusnahkan Jesselton, Kudat dan Sandakan. Kerosakan tersebut memerlukan kos yang besar dan SBUB tidak mampu menanggung untuk membangunkan Sabah. SBUB terpaksa menyerahkan Sabah kepada kerajaan British kerana kekurangan dana.

Reaksi Penduduk Tempatan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd

Sabah diserahkan kepada British pada 15 Julai 1946. Namun, tiada penentangan daripada rakyat tempatan di Sabah disebabkan British menindas kegiatan berpersatuan, British mengehadkan peluang dalam pentadbiran dan kepentingan sosioekonomi bagi penduduk Sabah.